

Pemerintahan Khalifah Uthmaniyyah di Mesir pada abad ke-17 M: Satu Analisis

ABSTRAK

Artikel ini menerangkan hubungan antara Mesir dan empayer Uthmaniyyah sejak abad ke-15 M sehingga penguasaannya ke atas Mesir pada tahun 922 H / 1517 M. Sebelum itu, perselisihan antara kedua belah pihak tertumpu kepada perebutan wilayah penampakan Dhu'l-Qadr, tetapi mereka masih berjaya mengekalkan hubungan baik. Hubungan baik antara kedua belah pihak berubah apabila Sultan Mamluk mengubah polisinya dengan cuba membantu kerajaan Safawiyyah di Parsi. Perubahan ini menjadi penyebab kepada penguasaan Turki Uthmaniyyah ke atas Mesir. Selepas itu, pihak Turki Uthmaniyyah menghantar Gabenor mereka ke Mesir dan mengasaskan sistem pentadbiran mereka. Walau bagaimanapun, golongan Mamluk telah diberikan peluang untuk meneruskan perkhidmatan mereka dalam pentadbiran baru ini. Sungguhpun demikian, pihak Turki Uthmaniyyah gagal membawa keamanan berpanjangan ke atas penduduk Mesir. Suasana ini menjadikan harapan penduduk tempatan di Mesir yang sangat mengharapkan keamanan selepas diperintah oleh kesultanan Mamluk sejak sekian lama ternyata tidak kesampaian.

Kata-kata kunci: Sultan Mamluk di Mesir, empayer Uthmaniyyah, hubungan dua hala, pentadbiran, dan keamanan.

PENGENALAN

Hubungan antara Khalifah Uthmaniyyah dan kerajaan Mamluk di Mesir bermula pada zaman pemerintahan Sultan Murād II apabila beliau menghantar ucapan tahniah atas perlantikan Sultan al-Ashrāf Barsbay apabila dilantik sebagai Sultan Mamluk yang baru pada tahun 825 H / 1423 M (Ahmad Harān, 1974:419). Hubungan seterusnya berlaku apabila penduduk Mesir menunjukkan kegembiraan mereka dengan mengadakan majlis sambutan kemenangan secara besar-besaran apabila Sultan Mehmet al-Fātih berjaya membuka Constantinople pada tahun 857 H / 1453 M.¹

Sungguhpun demikian, hubungan baik ini tidak berterusan apabila pada pertengahan kedua abad ke-15 M, Sultan Mehmet II terlibat secara langsung dalam perebutan kuasa pentadbiran di sebuah wilayah penampakan yang

Dr. Kamaruzaman Yusoff ialah Pensyarah Kanan di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia), UKM Bangi 43600, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Alamat emel beliau adalah: kamaruz@pkriscc.ck.ukm.my

¹Ibn Iyās mencatatkan bahawa Sultan Ināl telah menghantar utusan kepada Sultan Muhammad kerana kejayaan itu. Lihat, contohnya, Ibn Iyās (1972:316); dan Muhammad Anis (t.t.:109).

dikenali sebagai Dhu'l-Qadr (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:239-240; dan 'Abd al-Karīm Rafiq, 1968:44-45) yang beribu negerikan Elbistan (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:693). Pada tahun 870 H / 1465 M, pemerintah Dhu'l-Qadr, Arslān Bey (858-870 H / 1454-1465 M), telah mati dibunuh dan meninggalkan dua orang saudara lelaki, Budaq dan Shāhsuwār (Ibn Iyās, 1972:435; Selahettin Tansel, 1953:332-333; dan Parry, 1976:58-59), masing-masing berebut takhta pemerintahan yang ditinggalkan. Budaq telah berjaya mendapatkan takhta dengan bantuan Sultan Mamluk, Khushqadam.

Pada bulan Rabi' II 870 / Disember 1465, Shāhsuwār dengan bantuan Sultan Mehmet II telah berjaya merampas kuasa dari Budaq. Selepas menguasai wilayah ini, Shāhsuwār cuba membebaskan diri dari kawalan Turki. Walaupun usaha ini berjaya, tapi tidak lama selepas itu beliau pula ditangkap oleh Sultan Qa'itbay pada tahun 877 H / 1472 M dan dibawa ke Cairo lalu dijatuhkan hukuman bunuh. Penyokong Sultan Mamluk, Budaq, sekali lagi dilantik sebagai pemimpin di sana dan wilayah ini dijadikan sebahagian dari taklukan kerajaan Mamluk. Keadaan aman seketika sehingga pada tahun 884 H / 1479 M. Sultan Mehmet II sekali lagi campur tangan dalam urusan wilayah Dhu'l-Qadr apabila beliau berjaya melantik seorang pemimpin lain, yang bernama 'Alā' al-Daula sebagai penguasa di sana (Cook ed., 1976:59).

Apabila Sultan Mehmet II meninggal dunia pada tahun 886 H / 1481 M, dua orang putera beliau, Bayazid dan Jem, berebut takhta kerajaan yang ditinggalkan. Jem dikalahkan oleh saudaranya dalam satu peperangan di Yeni Shehir pada Rabi' II 886 H / Jun 1481 M (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:1119; Cook ed., 1976:56; dan Shaw, 1976:71) dan melarikan diri ke Syria dan seterusnya ke Mesir. Di sana, kehadiran beliau telah disambut baik oleh pemerintah Mesir, Sultan Qa'itbay. Langkah Sultan memberikan perlindungan kepada beliau telah menajamkan persengketaan antara dua buah kuasa besar itu. Pada tahun 887 H / 1482 M dan 897 H / 1491 M, Sultan Bayazid II cuba menyerang Mesir tetapi gagal (Lybyer, 1913:583; Stripling, 1942:38; *Encyclopaedia of Islam*, 1961:1119; Cook ed., 1976:60; dan Muhammad Anīs, t.t.:109).

HUBUNGAN TURKI-MESIR PADA ABAD KE-16 DAN 17 M

Semasa Sultan Qansūh al-Ghūrī (Shawwāl 906 – Dhu'l-hijja 922 H / April 1501 – Ogos 1517 M) mengambil alih pemerintahan, beliau terpaksa menghadapi tiga ancaman kuasa besar dari tiga sudut yang berbeza: *pertama*, kuasa Portugis yang datang dari arah laut (Stripling, 1942:29-33; Sergeant, 1963:13-21 Hess, 1973:55-76; dan Salih Ozbaran, 1986:207-214); *kedua*, Shāh Ismā'il, 907-930 H / 1501-1524 M, dari kerajaan Safawiyah Parsi; dan *ketiga*, Sultan Bayazid II dari arah utara. Sebagai langkah keselamatan, beliau telah mengambil strategi terbaik-baik dengan pemerintah Turki. Usaha ini dibalas dengan sokongan Turki bagi menentang serangan Portugis pada bulan Shawwāl 916 H / Januari 1511 M (Stripling, 1942:38; *Encyclopaedia of Islam*, 1961:552; Ibn Iyās, 1972:201; dan Ahmad Harān, 1974:418). Khalifah Uthmaniyyah telah menghantar angkatan lautnya ke Mesir bagi menangkis serangan itu.

Namun demikian, hubungan baik ini hanya bersifat sementara apabila Sultan Uthmaniyyah yang baru dilantik, Sultan Selim I (918-926 H / 1512-1520 M) mengambil langkah yang lebih agresif terhadap seluruh wilayah yang bersempadan dengan Turki pada masa itu, terutamanya Mesir dan Parsi (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:214-217). Sebagai seorang pemerintah yang pintar, beliau telah melancarkan satu gerakan perluasan kuasa bukan sahaja terhadap wilayah kesultanan Mamluk tetapi juga kerajaan Safawiyyah dan wilayah yang bersempadan dengan Turki. Pada masa yang sama, beliau tidak mahu menampakkan dirinya sebagai pihak yang memulakan serangan. Sebagai helah bagi mendapatkan Murād, anak saudaranya yang cuba mendapatkan kuasa (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:214), Sultan Selim I telah menyerang Parsi di samping menjatuhkan hukuman bunuh kepada pengikut Shi'ah.

Sebagai langkah keselamatan, pihak kesultanan Mamluk telah menghantar utusan ke Istanbul dengan harapan dapat bekerjasama bagi menghalang kemaraan pemerintah Safawiyyah yang bernama Shāh Ismā'il. Pihak Shi'ah telah menjalankan gerakan meluaskan madhhab mereka secara terbuka (Cook ed., 1976:64), telah menyebabkan kedua kuasa besar Sunni merasa terancam dan cuba mengambil langkah berjaga-jaga. Pihak Shi'ah juga telah cuba melebarkan kuasa mereka dengan menakluki sebahagian dari wilayah Kurdistān dan Iraq sejak awal abad ke-16 M. Pada tahun 913 H / 1507 M, tentera Shia'h telah menyerang wilayah penampan Dhu'l-Qadr (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:240; dan Cook ed., 1976:65) yang dipimpin oleh 'Alā' al-Daula.

Usaha Sultan Mamluk ternyata berjaya mempengaruhi khalifah Uthmaniyyah apabila Sultan Selim I mula menggerakkan tentera beliau ke sempadan Parsi pada bulan Safar 920 H / April 1514 M. Pada bulan Ogos, kedua tentera bertempur antara satu sama lain dalam peperangan Chaldirān (Holt, 1966:36; dan Cook ed., 1976:70). Dalam peperangan ini, tentera Shi'ah telah dikalahkan oleh askar Uthmaniyyah. Kekalahan ini menyebabkan Shāh Ismā'il terpaksa meminta bantuan dari beberapa pihak seperti Kesultanan Mamluk dan pemimpin wilayah Dhu'l-Qadr; dan mohon pihak terlibat memutuskan hubungan diplomatik dengan khalifah Uthmaniyyah (Stripling, 1942:40; dan *Encyclopaedia of Islam*, 1961:186), di samping berjanji untuk memerangi Turki demi kepentingan bersama.

Langkah yang diambil oleh kesultanan Mamluk ternyata silap apabila Sultan Selim I mula mengambil tindakan terhadap musuhnya. Antara usaha awal yang dilakukan ialah menghantar tenteranya ke Dhu'l-Qadr. Pada bulan Rabi' I 921 H / Jun 1515 M, 'Alā' al-Daula telah dikalahkan dan wilayah Dhu'l-Qadr telah diserapkan menjadi sebahagian dari wilayah Turki (Holt, 1966:37; dan Cook ed., 1976:71). Apabila hal ini diketahui oleh Sultan Qansūh, beliau segera memutuskan hubungan dengan Parsi dan terus menghantar utusan ke Istanbul pada tahun yang sama sebagai langkah menyelamatkan diri dari serangan Turki.

Pada bulan Jumādā I 922 H / Jun 1516 M, Sultan Selim I memulakan gerakan ketenteraan ke arah selatan, sedangkan komander tentera beliau,

Sinān Pasha, menunggu di Elbistan sejak bulan Rabi' II 922 H / May 1516 M (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:215). Keadaan ini menakutkan Sultan Qansūh sehingga beliau teragak-agak, sama ada menggerakkan tenteranya ke utara atau tidak. Walaupun beliau cuba memastikan bahawa tentera Mamluk dapat digerakkan lebih awal, tetapi oleh kerana faktor kewangan dan semangat yang rendah di kalangan tentera menyebabkan perjalanan itu tertangguh selama dua minggu.

Pada saat itu, tentera Turki telah tiba ke perbatasan Mesir dan seorang utusan dihantar ke Mesir (Ibn Zunbul, 1861:10; Holt, 1966:38; dan Cook ed., 1976:72) untuk memaklumkan bahawa Alā' al-Daula telah mati dibunuh sebagai seorang penderhaka, di samping memberi katadua kepada pihak Mesir agar tidak bertindak sesuka hati.

Sebaliknya, Sultan Qansūh yang telah menghantar pengintip yang diketuai oleh *amīr*, Īnāl Bey, untuk memerhatikan pergerakan tentera Sultan Selim I. Sultan Mamluk bukan sahaja menolak cadangan Turki tetapi bertindak lebih berani dengan meminta Turki menyerahkan semula wilayah Dhu'l-Qadr, anak lelaki Alā' al-Daula, dan memenjarakan utusan yang dihantar oleh Turki (Cook ed., 1976:73). Tindakan ini telah menyebabkan Sultan Selim I marah dan terus menyertai tentera Turki pimpinan Sinān Pasha's yang telah berada di Elbistan, walaupun mengikut jadual yang asal tentera Turki akan ke Parsi, bukannya ke Mesir. Peristiwa ini berlaku pada 22 Jumādā II 922 H / 23 Julai 1516 M.

Dalam keadaan kelam kabut, Sultan Selim I mendapat maklumat bahawa tentera Mesir telah bergerak menuju ke Aleppo. Walaupun pemimpin tentera Mamluk, Khair Bey, enggan berperang dengan tentera Turki, keadaan sudah terlambat dan peperangan sudah tidak dielakkan lagi. Pada 24 Rajab 922 H / 24 Ogos 1517 M, kedua pihak bertembung di Marj al-Dābiq, dekat kota Aleppo. Dalam peperangan yang singkat ini, tentera Mesir telah dikalahkan dengan mudah (Ibn Zunbul, 1861:14-15; Muir, 1896:199; Ahmad Zaini Dahlān, 1905:90; Holt, 1966:38; dan Cook ed., 1976:74). Selepas itu Sultan Selim I memasuki kota Aleppo tanpa sebarang tentangan (Ibn Iyās, 1921:46; Holt, 1966:38; dan Cook ed., 1976:75).

Selepas kira-kira tiga minggu, pihak Turki meneruskan perjalanan ke Damascus. Selepas berada di sana selama dua bulan, tersibar berita perlantikan Sultan Mamluk yang baru, Tūmān Bey, berkuasa mula Ramadān 922 – Rabi' I 923 H / Oktober 1516 – September 1517 (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:836-837). Utusan terus dihantar ke Cairo untuk menjalin persahabatan tetapi ditolak (Ibn Zunbul, 1861:27; Muir, 1896:203; dan Cook ed., 1976:75). Pada hujung bulan Oktober 1516, satu lagi peperangan berlaku antara kedua belah pihak berhampiran Gaza. Dalam peperangan ini, pemimpin Mamluk yang bernama Janberdi al-Ghazālī telah dikalahkan.

Pada bulan Muharram 923 H / Januari 1517 M, Tūmān Bey telah mengalami kekalahan teruk dalam peperangan yang berlaku di Ridāniyya, dekat Cairo (Muir, 1896:205; dan *Encyclopaedia of Islam*, 1961:837). Catatan

sejarah menunjukkan bahawa sifat berpaling tadah yang dilakukan oleh Janberdī al-Ghazālī telah mempercepatkan proses kekalahan Mesir apabila beliau bersekongkol dengan Khair Bey untuk memberikan laluan mudah kepada tentera Turki. Akhirnya Sultan Mamluk yang terakhir, Tūmān Bey, telah diserahkan oleh pemimpin baduwi kepada tentera Turki. Khair Bey dan rakan-rakannya sekali lagi dikatakan mempengaruhi Sultan Selim I sehingga Sultan Mesir itu dihukum bunuh (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:215; dan Holt, 1966:41).

Sultan Selim I tinggal di Cairo selama empat bulan sebelum bertolak balik ke Damascus pada bulan Sha'bān 923 / September 1517. Beliau telah membawa bersamanya Khalifah Abbasiyyah yang terakhir, Al-Mutawakkil. Sebelum bertolak, beliau sempat menerima perisytiharan taat setia daripada Gabenor Hijaz apabila Sharif Barakāt Mūsā menghantar anak lelakinya, Nāmī, mewakili beliau (Holt, 1966:41; dan Shaw, 1976:84). Kejayaan Turki ini mengakhiri pemerintahan kesultanan Mamluk dan sekali gus menamatkan kekuasaan keluarga Abbasiyyah. Mesir dijadikan sebahagian dari wilayah Turki sehingga kedatangan Napoleon pada tahun 1798 M.

Pada peringkat awal penguasaan Turki, pentadbiran semasa zaman Mamluk dikekalkan. Pentadbiran di Mesir dan Syria dipecahkan kepada dua wilayah yang berbeza dan dua orang Gabenor yang berasingan dilantik, iaitu Khair Bey and Al-Ghazālī.² Mereka telah mengekalkan sistem pentadbiran yang diamalkan sejak zaman Mamluk. Terdapat percubaan dari golongan Mamluk yang cuba memberontak tetapi gagal. Antara usaha yang awal ialah langkah Al-Ghazālī untuk membebaskan diri dari penguasaan Istanbul pada tahun 925 H / 1520 M (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:1042; Holt, 1966:43; Cook ed., 1976:80; dan Shaw, 1976:88). Jānim dan Īnāl juga cuba untuk memberontak dan menghalau Gabenor Turki, iaitu Mustafā Pasha (968 H / 1560 M). Kedua usaha di atas telah berjaya dipatahkan dengan mudah oleh penguasa Turki.

Selepas lapan tahun memerintah Mesir, barulah pihak Turki mula menguatkuasakan sistem pentadbiran Turki di sana. Langkah ini telah diambil oleh Sultan Sulaimān al-Qanuni apabila baginda menghantar Perdana Menteri yang bernama Ibrāhīm Pasha ke Al-Qahirah dan menguatkuasakan *Qānūn-Nāme*,³ yang khusus untuk Mesir pada tahun 931 H / 1525 M. Seperti sistem pentadbiran wilayah yang lain, pentadbiran Mesir dipecahkan kepada wilayah yang lebih kecil dan diperintah oleh gabenor wilayah yang dipanggil *Kāshif*.

²Al-Ghazālī telah dilantik sebagai Gabenor Uthmaniyyah yang baru pada bulan Safar 924 H / Februari 1518 M. Lihat Al-Qari (1949:73); Ibn Jum'ah (1949:2); *Encyclopaedia of Islam* (1961:1042); dan P.M. Holt (1966:43).

³Lihat Anonim (t.t.). Walau pun *qānūn* ini menggunakan nama Sultan Selim, ianya diisytiharkan pada masa pemerintahan Sultan Sulaimān. Lihat juga A.H. Lybyer (1913:159-169); *Encyclopaedia of Islam* (1961:177); dan P.M. Holt (1966:51). Manakala G.W.F. Stripling (1942:71-75) telah menterjemahkan sebahagian dari Undang-Undang ini dari bahasa Peranchis. *Qānūn* adalah satu istilah umum yang digunakan kepada mana-mana Undang-Undang yang diperkenalkan di wilayah yang baru diduduki. Lihat H. Inalcık ed. (1978:103-128 dan 104-138).

Langkah juga diambil bagi menyesuaikan sistem pentadbiran kewangan di Mesir. Antaranya ialah kedudukan pengutip cukai (*iqṭā'*) yang dikenali sebagai *al-muqatta'* telah dihapuskan secara perlahan-lahan dan digantikan dengan sistem *iltizām*. Cukai ini diamanahkan kepada golongan pengutip cukai yang khusus dipanggil *multazim* (Gibb & Bowen, 1950:259-261; Hasan Saab, 1958:111; *Encyclopaedia of Islam*, 1961:177; Shaw, 1962:31; dan Galal H. el-Nahal, 1979:7). Pegawai dari Istanbul dan sebahagian dari golongan *Mamlūk* telah dilantik memegang jawatan yang baru ini.

Kehadiran Turki Uthmaniyyah ke Mesir juga telah mengubah struktur dan hirarki golongan tentera. Sebelum meninggalkan Mesir, Sultan Selim I telah meninggalkan beberapa kelompok tentera Turki. Antaranya ialah dua kumpulan tentera infantri yang dikenali sebagai *Janissari* (*Mustahfizān*) dan '*Azabān* (Tentera Bujang); dan dua kelompok tentera berkuda iaitu *Gonūlliyan* (Sukarela) dan *Tüfengjiyan* (Bersenjata). Pada tahun 930 H / 1524 M, dua lagi kelompok tentera berkuda dihantar ke Mesir iaitu *Cherākisa*⁴ (*Circassians*) dan *Chavushān* (*Messengers*). Selepas itu Gabenor yang dihantar mentadbir Mesir membawa bersama mereka pengawal peribadi dari Istanbul yang dikenali sebagai *Muteferriqa*. Ketiga kelompok terakhir tadi dikenali sebagai *Sipahi*.

Sultan Selim I, yang berjaya menguasai hampir keseluruhan wilayah Arab sehingga ke Yaman dan Hijāz, telah melantik Banū 'Umar dari kelompok Hawwāra (*Encyclopaedia of Islam*, 1961:299-300), berketurunan Barbar sebagai pentadbir bagi wilayah Selatan Mesir (Holt, 1968:81). Perlantikan ini terhenti apabila Sultan Sulaimān telah memasukkan Selatan Mesir di bawah Gabenor pusat dalam perisytiharan *Qānūn-Nāme* yang baru diperkenalkan (Holt, 1968:82). Mereka cuba sedaya upaya untuk mendapatkan semula penguasaan ke atas wilayah ini tetapi gagal.

Wilayah ini mempunyai kepentingan tersendiri kerana ianya terkenal sebagai pembekal batu permata yang bermutu tinggi. Antara Gabenor yang telah berjaya meneroka kawasan ini ialah Ibrāhīm Pasha (991-992 H / 1583-1584 M). Hasil dari penerokaan itu, beliau telah berjaya melombong batu permata dan membawa balik hasilnya ke Al-Qahirah (Anonim, 1855:35a).

Pentadbiran Turki juga tidak disukai oleh orang Baduwi dan penduduk Arab di kawasan pedalaman. Antaranya penduduk di kawasan Utara Mesir dan sempadan Syria. Mereka sentiasa cuba mengadakan rusuhan dan membuat kekacauan. Walau pun mereka hanya mula mengadakan gerakan itu pada penghujung abad ke-16 M,⁵ para pentadbir Turki mengalami pengalaman pahit kesan dari tindakan mereka. Tindakan ini juga menyebabkan kerajaan terpaksa menghabiskan belanja yang banyak dan usaha yang berterusan.

⁴Semua kelompok *Mamlūk* ini disusun dalam rejimen yang berbeza. Lihat Ahmad al-Damurdāshī (1991:1). Kelompok *Mamlūk* terus diberi peranan dalam pentadbiran baru ini. Lihat juga D. Pipes (1983:329-331).

⁵Gerakan anti-kerajaan yang pertama berlaku semasa pentadbiran Ahmad Pasha (999-1003 H / 1591-1595 M), apabila sekumpulan masyarakat Baduwi yang dikenali sebagai *Ghazzāla* telah bangkit. Lihat Anonim (1855:36a).

Keadaan ini menjadi lebih parah sepanjang abad ke-17 M apabila Gabenor gagal mengawal keamanan di Mesir khususnya dan wilayah lain umumnya, kesan dari kelemahan pentadbiran pusat di Istanbul.

Tanda awal kelemahan pentadbiran Gabenor di Mesir juga ditunjukkan apabila golongan tentera mula mengadakan pakatan sulit dan gerakan menentang kerajaan. Antara insiden awal ialah peristiwa yang berlaku pada tahun 994 H /1586 M. Tiga tahun kemudian, satu lagi peristiwa berdarah yang lebih besar berlaku apabila golongan tentera bangkit dan mengakibatkan kematian pegawai di pejabat Gabenor (Anonim, 1855:35b; dan Holt, 1968:82). Kemucaknya ialah beberapa orang Gabenor mati di tangan pemberontak seperti yang berlaku pada awal abad ke-17 M.

KESIMPULAN

Dapatlah dikatakan bahawa kehadiran Turki Uthmaniyyah ke Mesir dan Syria bukan sahaja mengubah kedudukan wilayah itu tetapi juga keseluruhan peta dunia Islam turut berubah. Gabenor yang dihantar ke sana adalah bertujuan memperkukuhkan kuasa Turki di wilayah berkenaan. Hasilnya, Istanbul telah mengambil alih Al-Qahirah sebagai pusat pentadbiran dan fokus kegiatan Islam selama lebih dari tiga ratus tahun selepas itu. Sungguh pun Al-Qahirah masih kekal menjadi pusat pendidikan Islam, kegiatan kebudayaan dan intelektual umat Islam telah dipindahkan dan sekali gus Istanbul menjadi kota pertama yang terletak di dunia bukan Arab menjadi fokus umat Islam pada masa itu.

Beberapa perkembangan yang berlaku di wilayah baru ini sangat diberi perhatian oleh pihak Istanbul. Selepas berjaya mentadbir dengan baik dalam jangka masa yang singkat, para Gabenor yang dihantar ke Mesir didapati gagal menyelesaikan masalah dalam pentadbiran sehingga mengakibatkan ketidakstabilan di Mesir. Suasana ini menjadikan harapan penduduk tempatan yang sangat mengharapkan keamanan selepas diperintah oleh kesultanan Mamluk sejak sekian lama, ternyata tidak kesampaian.

Bibliografi

- 'Abd al-Karīm Rafiq. (1968). *Al-Shām wa Misr Min al-Fath al-'Uthmānī*. Damascus, Syria: t.p.
- Ahmad al-Damurdāshī. (1991). *Al-Damurdāshī's Chronicle of Egypt*, Vol. II. Leiden, Netherlands: t.p., Translated and Annotated by G. Crecelius & 'Abd al-Wahhāb Bakr.
- Ahmad Harān. (1974). "Bilād al-Shām fi 'Alāqa al-Mamālik wa 'l-'Uthmāniyyīn" dalam *Al-Mu'tamar al-Daulī li Tārīkh Bilād al-Shām*. Amman, Yaman: t.p.
- Ahmad Zainī Dahlān. (1905). *Al-Futūhāt al-Islāmiyya*, Vol. II. Cairo, Mesir: t.p.
- Al-Qari. (1949). "Al-Wuzarā' Alladhīna Hakam: Dimashq" dalam S. Munajjid [ed]. *Wulāt Dimashq fi 'Ahd al-Uthmānī li Ibn Jum'ah wa Ibn al-Qarrī*. Damascus: t.p.

- Anonim. (1855). "Paris Fragment: Bibliothèque Nationale" dalam *MS Arabe*.
- Anonim. (t.t.). "Qānūn-Nāme Sultan Selim Khan fi Misr al-Qāhira" dalam *MS Ancien Fonds Turc*, 82. Paris: Bibliothèque Nationale.
- Cook, M.A. [ed]. (1976). *A History of the Ottoman Empire to 1730*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Encyclopaedia of Islam*. (1961). Leiden: E.J. Brill, 2nd edition.
- Galal H. el-Nahal. (1979). *The Judicial Administration of Ottoman Egypt in the Seventeenth Century*. Chicago: Chicago University Press.
- Gibb, H.A.R. & H. Bowen. (1950). *Islamic Society and the West*. London: Cambridge University Press.
- Hasan Saab. (1958). *The Arab Federalists of the Ottoman Empire*. Amsterdam: KITLV Press.
- Hess, A.C. (1973). "The Ottoman Conquest of Egypt (1517) and the Beginning of the Sixteenth Century World War" dalam *International Journal of the Middle Eastern Studies*, Vol.IV, ms.55-76.
- Holt, P.M. (1966). *Egypt and the Fertile Crescent, 1516-1922*. London: Cambridge University Press.
- Holt, P.M. (1968). "Egyptian Political History from 1517-1798" dalam P.M. Holt [ed]. *Political and Social Change in Modern Egypt*. Oxford: Oxford University Press.
- Ibn Iyās. (1921). *An Account of the Ottoman Conquest of Egypt in 922/1516*. London: Hakluyt Society, Translated by W.H. Salmon.
- Ibn Iyās. (1972). *Badā'i' al-Zuhūr fī Waqā'i' al-Duhūr*, Vol. II. Wiesbaden: t.p.
- Ibn Jum'ah. (1949). "Al-Bashat wa'l-Qudāt fi Dimashq" dalam S. Munajjid [ed]. *Wulāt Dimashq fī 'Ahd al-Uthmānī li Ibn Jum'ah wa Ibn al-Qarrī*. Damascus: t.p.
- Ibn Zunbul. (1861). *Tārīkh Ibn Zunbul*. Cairo: Al-Zahar University Press.
- Inalcık, H. [ed]. (1978). *The Ottoman Empire: Conquest, Organisation, and Economy*, Vol. I dan VII. London: Cambridge University Press.
- Lybyer, A.H. (1913). *The Government of the Ottoman Empire in the Time of Suleiman the Magnificent*. London: Cambridge University Press.
- Muhammad Anīs. (t.t.). *Al-Daula al-'Uthmāniyya wa 'l-Sharq al-'Arabī*. Cairo: Al-Azhar University Press.
- Muir, W.M. (1896). *The Mameluke Dynasty of Egypt*. London: Hakluyt Society.
- Munajjid, S. (1949). *Wulāt Dimashq fī 'Ahd al-Uthmānī li Ibn Jum'ah wa Ibn al-Qarrī*. Damascus: t.p.
- Parry, V.J. (1976). "The Reigns of Bayazid II and Selim I, 1881-1520" in M.A. Cook [ed]. *A History of the Ottoman Empire to 1730*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Pipes, D. (1983). "Mamluk Survivals in the Ottoman Egypt" dalam *Journal of Turkish Studies*, Vol.7, ms.329-331.
- Salih Ozbaran. (1986). "The Ottomans in Confrontation with the Portuguese in the Red Sea after the Conquest of Egypt in 1517" dalam *Studies on Turkish-Arab Relations*, ms.207-214.
- Selahettin Tansel. (1953). *Fatih Sultan Mehmet'in*. Ankara: t.p.
- Sergeant, R.B. (1963). *The Portuguese of the South Arabian Coast*. Oxford: Oxford University Press.
- Shaw, S. (1962). *The Financial and Administrative Organisation and Development of Ottoman Egypt, 1517-1798*. Princeton: Princeton University Press.
- Shaw, S. (1976). *History of the Ottoman Empire and Modern Turkey*, Vol. I. Cambridge: Cambridge University Press.
- Stripling, G.W.F. (1942). *The Ottoman Turks and the Arabs, 1511-1574*. Urbana: t.p.